



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PROSES PEREKAYASAAN SEMULA DALAM SISTEM  
MAKLUMAT PENGURUSAN KEWANGAN DI UNIVERSITI  
PERTANIAN MALAYSIA**

**RUSLI BIN HAJI ABDULLAH**

**FSAS 1996 1**

**PROSES PEREKAYASAAN SEMULA DALAM SISTEM  
MAKLUMAT PENGURUSAN KEWANGAN DI UNIVERSITI  
PERTANIAN MALAYSIA**

**Oleh**

**RUSLI BIN HAJI ABDULLAH**

**Tesis dikemukakan sebagai memenuhi keperluan bagi  
mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti Sains dan Pengajian  
Alam Sekitar, Universiti Pertanian Malaysia**

**Mei 1996**



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penyeliaan yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Abu Talib Othman yang mana di atas tunjuk ajar dan nasihat serta galakan yang amat besar ertinya sepanjang kajian ini dijalankan.

Penulis seterusnya ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada ahli jawatankuasa penyeliaan lain yang terdiri dari Dr. Abdul Azim Abdul Ghani dan Dr. Ali bin Mamat, di Jabatan Sains Komputer, UPM di atas tunjuk ajar dan bimbingan serta nasihat mereka yang tiada nilainya terhadap penulis.

Penulis juga merakamkan sekalung kasih untuk keluarga tersayang di atas pengorbanan dan pemahaman yang mereka berikan sepanjang pengajian. Terutamanya isteri, Rohayati Md Shaari dan anak-anak yang dikasihi iaitu Nur Azlina, Mohamad Zulhilmie dan Mohamad Asyraf.

Akhirnya, penulis berdoa agar sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penghasilan tesis ini akan dirahmati Allah di dunia dan di akhirat. Amin.

Wassalam.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI RAJAH .....	viii
SENARAI NAMA SINGKATAN .....	x
ABSTRAK .....	xii
ABSTRACT .....	xiv

### BAB

I PENDAHULUAN .....	1
Latarbelakang Masalah.....	2
Objektif Kajian .....	4
Struktur Organisasi Tesis .....	6
II SOROTAN LITERATUR .....	8
Perekayasaan Semula dan Sistem Maklumat.....	8
Perkara Asas .....	10
Radikal .....	10
Dramatik .....	11
Proses .....	12
Peranan Teknologi Maklumat dalam Proses Perekayasaan Semula.....	15
III SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN KEWANGAN (SMPK) UPM .....	19
Latarbelakang SMPK .....	20
Spesifikasi Sistem SMPK .....	23
Subsistem Belanjawan.....	23
Subsistem Lejer Am .....	24
Subsistem Akaun Kena Bayar (AP) .....	24
Subsistem Akaun Belum Terima (AR) .....	25
Subsistem Harta Tetap (FA) .....	25

## **Muka Surat**

Subsistem Pembelian .....	26
Subsistem Gaji .....	27
Subsistem Tuntutan dan Pendahuluan (Advance) .....	27
Subsistem Pinjaman Kenderaan .....	28
Subsistem Akaun Pelajar (SAP) .....	28
Proses Perekayasaan Semula Sistem Maklumat di UPM .....	28
<b>IV METHODOLOGI .....</b>	<b>32</b>
Pengumpulan Data.....	32
Analisis Semasa.. .....	33
Temuduga dan Soalselidik .. .....	33
Pendekatan Untuk Proses Perekayasaan Semula Sistem Maklumat.....	33
<b>V KAJIAN KES PROSES MEREKAYASAKAN SEMULA SISTEM MAKLUMAT .....</b>	<b>40</b>
Kes Pertama : Sistem Gaji .....	40
Latarbelakang Sistem .....	41
Objektif Sistem .....	47
Sistem Tradisional .....	50
Proses Input .....	50
Pengesahbetulan Input .....	54
Proses Penyediaan Baucer .....	55
Proses Selaras Potongan dengan Sistem AR dan Advance .. .....	55
Proses Perekayasaan Semula (Sistem Baru) .....	58
Proses Input .....	59
Proses Pengesahbetulan Input .....	61
Proses Penyediaan Baucer .....	62
Proses Penyelaras Potongan .. .....	54
Kes Kedua : Sistem Akaun Pelajar .....	67
Latarbelakang Sistem .....	67

## **Muka Surat**

Objektif Sistem.....	68
Sistem Tradisional.....	68
Proses Perekayasaan Semula (Sistem Baru).....	70
<b>VI KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>71</b>
Penggunaan Sumber.....	73
Penggunaan Masa .....	77
Pengoptimum Proses .....	81
<b>VII KESIMPULAN DAN SYOR .....</b>	<b>82</b>
Syor .....	84
Pengukuran Prestasi.....	85
Kos .....	86
Tempoh Masa .....	86
Efisiensi .....	86
Penggunaan Sumber .....	86
Keberkesanannya .....	87
Keputusan yang memuaskan .....	87
Kepuasan Kepada Pengguna .....	87
Kreativiti .....	88
Kesesuaian .....	88
Pulangan pelaburan yang baik .....	88
Pengujudan Persaingan .....	89
Produktiviti .....	89
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>90</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>94</b>
<b>BIODATA.....</b>	<b>118</b>

## **SENARAI JADUAL**

Jadual	<b>Muka Surat</b>
1 Kategori Staf Universiti yang terlibat dalam Urusan Sistem Gaji .....	44
2 Jadual Perlaksanaan Sistem Gaji Lama UPM pada Setiap Bulan .....	48
3 Jadual Perlaksanaan Sistem Gaji UPM Bulanan - Sistem Baru .....	66
4 Penggunaan Sumber Tenaga Manusia bagi Sistem Gaji .....	74
5 Penggunaan Sumber Peralatan bagi Sistem Gaji .....	76
6 Perbezaan Masa Untuk Proses Penentusan Input bagi Sistem Gaji Baru .....	77
7 Perbezaan Masa Untuk Proses Penyediaan Baucer antara Sistem Gaji Baru dan Lama .....	77
8 Perbezaan Masa Untuk Proses Penyelarasaran Potongan bagi Sistem Gaji dengan Sistem AR dan ADVANCE .....	79
9 Perbezaan Masa Untuk Proses-proses yang terlibat bagi Sistem SAP Lama dan Baru .....	80
10 Penggunaan Sumber Tenaga Manusia bagi Aktiviti dalam Sistem Gaji .....	81

## **SENARAI RAJAH**

Rajah	Mukasurat
1 Proses Input dan Output .....	13
2 Cartalir Subsistem dan Perhubungan antara Subsistem dalam SMPK .....	22
3. Cartalir mengenai Proses Perekayasaan Semula di Syarikat Kodak. ....	34
4 Cartalir mengenai Proses Perekayasaan Semula yang dicadangkan oleh Daniel Morris & Joel Brandon .....	36
5 Pendekatan yang Digunakan untuk Merekayaskan Semula Sistem Maklumat .....	39
6 Perhubungan Antara Sistem Gaji Baru Dengan Sistem-sistem Lain Dalam SMPK.....	46
7 Cartalir Pemprosesan Sistem Gaji (Sistem Lama) Berdasarkan Kepada Fakulti/Jabatan .....	49
8 Cartalir Proses Penyediaan Maklumat Input Secara Manual (Bahagian I) .....	51
9 Cartalir Proses Penyediaan Maklumat Input Secara Manual (Bahagian II) .....	52
10 Cartalir Proses Penyediaan Maklumat Input Secara Manual (Bahagian III) .....	53

Rajah Mukasurat

11	Cartalir Proses 1A .....	54
12	Satu perhubungan di antara Sistem Gaji dan Proses Penyediaan Baucer dalam Sistem Pembayaran (AP).....	56
13	Satu perhubungan di antara Sistem Gaji dengan Proses Selaras Potongan dan elauan terhadap Sistem “Advance” dan AR .....	57
14	Cartalir Pemprosesan Gaji Bulanan (Sistem Baru) .....	59
15	Cartalir Proses Input yang dilakukan setiap Bulan bagi Sistem Gaji Baru .....	60
16	Cartalir Proses Penentusahan Input bagi Proses 1A dalam Sistem Gaji .....	61
17	Cartalir Perhubungan Sistem Gaji dengan AP .....	63
18	Cartalir Perhubungan Sistem Gaji dengan AR dan Advance bagi Proses Selaras Potongan dan Elaun .....	65
19	Cartalir Sistem Akaun Pelajar Lama .....	69
20	Cartalir Sistem Akaun Pelajar Baru .....	71

## **SENARAI NAMA SINGKATAN**

Advance	:	Sistem Pendahuluan
AP	:	Accounts Payable
AR	:	Accounts Receivable
CASE	:	Computer Assisted Software Engineering
CI	:	Continuous Increment
COBOL	:	Common Business Oriented Language
GL	:	General Ledger
IS	:	Sistem Maklumat
LAN	:	Local Area Network
MPK	:	Model Pengukuran Kualiti
OMPD	:	Operator Mesin Kemasukan Data
OS	:	Operating System
ROI	:	Return Of Investment
SDLC	:	System Development Life Cycle
SMPK	:	Sistem Maklumat Pengurusan Kewangan
SMK	:	Sistem Maklumat Kakitangan
SSADM	:	Structured System Analysis and Design Methodology

- TQM : Total Quality Management
- UPM : Universiti Pertanian Malaysia
- VM/ESA : Virtual Machine / Enterprise System Architechure
- WAN : Wide Area Network

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia bagi memenuhi syarat untuk Ijazah Master Sains.

**PROSES PEREKAYASAAN SEMULA DALAM SISTEM MAKLUMAT  
PENGURUSAN KEWANGAN DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

Oleh

RUSLI BIN HAJI ABDULLAH

Mei, 1996

Pengerusi : Profesor Madya Dr. Abu Talib Othman

Fakulti : Sains dan Pengajian Alam Sekitar

Proses Perekayasaan Semula adalah satu konsep yang mula muncul pada awal tahun 1990-an. Proses perekayasaan semula adalah bermaksud proses merekabentuk semula atau menyusun semula urusan perniagaan bagi mencapai kemajuan yang bermakna dalam konteks penjimatan kos, kitaran masa, kualiti dan juga produktiviti.

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti aktiviti proses dalam sistem maklumat yang terpilih bagi menyumbang kepada proses perekayasaan semula atau proses inovasi. Kajian ini juga telah memperlihatkan peranan teknologi maklumat dapat mencapai matlamat yang disasarkan. Fenomena ini sangat mustahak kerana banyak urusan atau proses dalam sistem maklumat yang kadangkala

menghadapi masalah reaksi pemprosesan yang menggunakan masa yang lama dan keperluan sumber yang berlebihan.

Satu sistem maklumat pengurusan telah diambil sebagai bahan kes untuk diujikajikan. Sistem yang dipilih ialah Sistem Maklumat Gaji Kakitangan UPM dan Sistem Akaun Pelajar (SAP) yang sedang beroperasi pada masakini dan merupakan sebahagian daripada Sistem Maklumat Pengurusan Kewangan (SMPK) UPM. Keputusan yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa proses perekayasaan semula telah mencapai matlamat yang disasarkan.

Pada akhir kajian ini, suatu model pengukuran kualiti telah diperkenalkan sebagai satu cadangan penyelesaian dan garis panduan yang terbaik dalam proses perekayasaan semula. Model Pengukuran Kualiti (MPK) ini merangkumi aspek pengukuran prestasi, keberkesanan, kesesuaian, dan produktiviti. Pengukuran ini sangat penting sebab ianya boleh dijadikan sebagai panduan untuk memperolehi keuntungan ke atas pelaburan yang maksimum. Di samping itu beberapa syor juga dibincangkan dan patut diambil kira sebagai faktor kejayaan kritikal dalam proses perekayasaan semula.

Abstract of the thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in fulfillment of the requirements of Master of Science.

**REENGINEERING PROCESS OF THE  
FINANCIAL MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM AT UNIVERSITI  
PERTANIAN MALAYSIA**

by

RUSLI BIN HAJI ABDULLAH

May, 1996

Chairman : Associate Professor Dr. Abu Talib Othman

Faculty : Science and Environment Studies

Reengineering process is a concept which emerged in the early 1990s. Reengineering is a term which means restructuring or reorganizing business in order to achieve significant improvements in cost, time-cycle, quality as well as productivity.

This study was done to identify the processing activity in a selected information system that could contribute to innovation or reengineering process. The study illustrated the role of information technology in achieving its targeted goals. This phenomenon is very important because many businesses or processes in an information system has encountered some problems in their processing time which was time consuming and used excessive resources.

One of the management information systems was chosen as a subject of a case study. The selected systems were Payroll and Student Accounting System (SAP) which were the modules of the Financial Management Information System that was currently running at Universiti Pertanian Malaysia (UPM). The result of this case study showed that the process of reengineering met its objectives.

At the end of this study, a model of quality measurement was suggested as a solution and the best guidelines for process reengineering. The model was very important because it covered performance measurement, effectiveness, suitability and productivity. This measurement was essential because it could be used as a guideline to achieve maximum return on investment (ROI). Beside that, a list of recommendations were also discussed and some of them should be considered as a critical success factor (CSF) in process reengineering.

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

Dalam era teknologi maklumat masakini, proses inovasi atau merekayasaan semula merupakan suatu fenomena yang perlu, terutamanya dalam konteks urusan sistem maklumat di mana sistem maklumat ini dibangunkan supaya dapat memberi bantuan dan kepuasan penggunaan kepada para pelanggan (Schnitt, 1993), (Jarzazabek dan Tok Wang Ling, 1995).

Proses inovasi dalam konteks sistem maklumat boleh dikategori mengikut fasa-fasa tertentu seperti analisis, rekabentuk, pengkodan dan implementasi serta penyelenggaraan sebagaimana yang digariskan dalam proses kitaran hayat pembangunan sistem (SDLC), (Vliet, 1993). Kategori-kategori ini perlu diikuti bagi memastikan projek perekayasaan semula dapat difahami dan dibangunkan dengan lancar serta berkesan.

Pendekatan yang dicadangkan di atas adalah mustahak supaya proses yang disasarkan untuk direkayaskan difahami dengan mendalam. Ini penting agar sistem atau proses yang baru itu tidak akan menyimpang dari tujuan asal dan menemui kegagalan, malahan memberi banyak manfaat kepada individu, organisasi dan seterusnya merasai nikmat proses merekayasaan semula (Schnitt, 1993).

## **Latarbelakang Masalah**

Terdapat banyak faktor yang boleh diambilkira sebelum proses itu direkeyaskan semula. Dalam konteks sistem maklumat, faktor-faktor ini akan menjadi justifikasi utama mengapa sesuatu sistem maklumat itu perlu direkeyaskan semula. Di antara faktor itu ialah kecepatan pemprosesan, kos, kualiti, penggunaan sumber, kreativiti, pulangan kepada pelaburan, dan produktiviti.

Permasalahan pertama yang wujud dalam sistem maklumat ialah dari segi masa yang diperlukan dalam melarikan sesuatu proses untuk sesuatu tujuan tertentu dan kadangkala ia mengambil masa yang lama dan melebihi daripada jangkaan. Keadaan ini berlaku kerana terdapat proses dalam sistem maklumat itu yang tidak sepatutnya berada atau diperlukan di dalam sesebuah sistem itu lagi.

Kedua, dari segi penggunaan kos yang terlibat sama ada dari segi wang dan sumber yang digunakan. Jenis-jenis kos itu biasanya dikategorikan mengikut kitaran hayat pembangunan sistem maklumat seperti pembangunan sistem, penyelenggaraan dan operasi.

Ketiga, dari segi kadar kesilapan yang dihasilkan serta nilai kepercayaan dan minat pengguna terhadap produk yang dihidangkan kepada mereka. Ini termasuklah kepuasan penggunaan yang boleh dipertingkatkan berbanding dengan

sistem manual yang telah mereka laksanakan atau guna pakai sebelum ini.

Kadar penggunaan sumber yang dimiliki oleh organisasi itu juga merupakan masalah utama dalam proses perekayasaan semula. Ini kerana sepatutnya sumber itu perlu digunakan di peringkat yang maksimum. Kadangkala pembaziran telah dilakukan akibat ketidaksusunan dalam pengagihan dan peruntukan bagi menghasilkan keluaran atau produk.

Terdapat juga dalam keadaan tertentu unsur-unsur kreativiti tidak diketengahkan dengan sewajarnya dan dipandang remeh sahaja oleh sesetengah pihak di dalam organisasi mereka. Ini boleh menjaskan kadar tarikan dan minat pengguna dalam menangani masalah sistem maklumat yang mereka hadapi sepanjang tempoh pemprosesan.

Di samping itu, sepatutnya setiap pelaburan akan membawa hasil yang lebih baik tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Ini adalah kerana tiada perubahan yang dilakukan seperti yang telah dijelaskan terhadap faktor-faktor seperti masa, sumber dan sebagainya. Jadi, dengan ini akan mengurangkan pulangan malah akan meruntuhkan sistem dan organisasi yang berkenaan. Biasanya dengan berbekalkan input yang lebih, akan memberi keluaran yang banyak dan menjimatkan kos, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya yakni keluarannya hanya di tahap yang minima sahaja.

## **Objektif Kajian**

Dalam Proses Perekayasaan Semula Sistem Maklumat, berikut adalah beberapa objektif kajian yang ingin dicapai ;

- (1). Mengenalpasti proses dalam sistem maklumat yang terpilih yang boleh menyumbangkan kepada proses inovasi atau proses perekayasaan semula.
- (2). Melihat peranan yang dimainkan oleh teknologi maklumat dalam proses merekayaskan semula sistem maklumat agar mencapai matlamat seperti mana yang diharapkan seperti mengurangkan kos, kecepatan dan penggunaan sumber yang optima.
- (3). Menganalisiskan implikasi daripada proses perekayasaan semula dalam sistem maklumat yang terpilih itu dan organisasi keseluruhannya.

- (4). Membuat beberapa syor yang munasabah yang patut diambil perhatian dan pertimbangan kepada sesiapa yang berminat dengan bidang ini mengenai peri mustahak dan kebaikan daripada proses perekayasaan semula.

## Struktur Organisasi Tesis

Tesis ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama terdiri Bab I, II dan III serta IV yang membincangkan definisi sistem dan isu proses perekayasaan semula dan kaedah untuk melaksanakannya. Bahagian kedua pula terdiri dari Bab V sahaja. Ia menerangkan persekitaran sistem sebelum dan selepas proses perekayasaan semula. Manakala bahagian ketiga terdiri dari Bab VI dan VII menerangkan keputusan atau penemuan kajian daripada proses perekayasaan semula dan syor atau cadangan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk merekayaskan semula proses-proses di organisasi mereka.

Bab I, II dan III mengandungi pengenalan kepada tesis yang meliputi konsep perekayasaan semula dan isu proses perekayasaan semula serta perhubungannya dengan sistem maklumat. Di samping itu, latarbelakang masalah sistem dan peranan teknologi maklumat dalam proses perekayasaan semula serta objektif kajian. Bab IV menerangkan kaedah untuk mencari penemuan atau keputusan kajian.

Bab V mengandungi satu kajian kes yang dilakukan di Pusat Komputer, UPM. Dalam bab ini, diterangkan juga bagaimana proses perekayasaan semula dilakukan ke atas sistem maklumat dengan mengambilkira faktor-faktor

seperti masa, sumber, kos dan sebagainya. Pada bahagian ketiga yang terdiri dari Bab VI dan VII pula menerangkan hasil kajian diperolehi dari proses perekayasaan semula sistem maklumat di UPM. Di samping itu satu model pengukuran kualiti termasuk syor-syor kepada mereka yang berminat dengan proses perekayasaan semula turut diutarakan.

## **BAB II**

### **SOROTAN LITERATUR**

Proses Perekayasaan Semula merupakan satu konsep yang mula diperkenalkan pada awal tahun 1990an. Oleh itu satu analisis mengenai definisi perekayasaan semula dan sistem maklumat serta isu-isu semasa yang berkaitan dengannya akan dibincangkan dengan panjang lebar supaya sesuatu aktiviti dalam proses atau sebarang urusniaga itu lebih berkualiti, menjimatkan kos dan masa, serta prestasi dapat dipertingkatkan. Dalam bab ini peranan yang dimainkan oleh teknologi maklumat dalam proses perekayasaan semula juga turut diketengahkan sebagai tambahan kepada sorotan literatur.

#### **Perekayasaan Semula dan Sistem Maklumat**

Perekayasaan semula dan sistem maklumat adalah suatu entiti yang berkait rapat di dalam kajian ini. Jadi di sini, perhubungan dan definisi mengenai kedua-duanya akan diterangkan secara lebih lanjut di perenggan berikut.

Perekayasaan semula adalah suatu konsep yang telah muncul akibat daripada proses inovasi yang dapat membantu pihak pengurusan dan organisasi dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti dan seterusnya memberikan pulangan besar dalam pelaburan (ROI) mereka (Bonn-Oh,1994), (Guha, Kettinger dan Teng, 1993),

(Gene, Rosenthal dan Wade, 1993), (Lockamy, 1994). Konsep ini mula diperkenalkan selepas proses peningkatan (CI) dan pengurusan kualiti keseluruhan (TQM) yang dipercayai boleh membantu organisasi dalam meningkatkan daya maju dan lebih kompetatif (Geogary, 1994), (Hill dan Adrian, 1995).

Menurut Micheal Hammer dan James Champy, perekayasaan semula adalah didefinisikan sebagai pemikiran asas (fundamental) dan mereka bentuk semula proses secara radikal bagi mencapai kemajuan kritikal yang dramatik dalam konteks prestasi seperti kos, kualiti, perkhidmatan dan kecepatan.

Dalam proses perekayasaan semula terdapat empat intipati yang memainkan peranan utama. Intipati itu adalah seperti berikut;

(I) Perkara Asas

(ii) Radikal

(iii) Dramatik

(iv) Proses

Semua intipati di atas akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada perenggan yang berikut: